



MC TMI



MOOC TMI

TATABAHASA MELAYU INTERAKTIF



ABSTRAK:

Era ke-21 amat sinonim dengan era digital yang bertampukkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Hal ini demikian kerana kemahiran tersebut menjadi semakin penting kini. Kepentingan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi ini seiring dengan keperluan kemahiran teknologi maklumat yang sememangnya penting untuk diaplikasikan dalam dunia pendidikan hari ini. Era digital ini memberikan impak pembelajaran atau peluang yang luas kepada pelajar menerusi penglibatan aktif pelajar, interaktif, kolaboratif dan menggalakkan pembelajaran seumur hidup. Kesepadanan ini menjadi teras kepada pengajar atau penggubal kursus untuk merealisasikan hasrat universiti menghasilkan kursus bahasa Melayu dalam bentuk mikrocredential. Pembelajaran bahasa menjadi lebih kreatif dan menarik seandainya digarap secara interaktif. Interaktif bermaksud membolehkan pengaliran maklumat dua hala yang berterusan antara komputer dengan penggunanya. Pembelajaran ini akan memberikan impak yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu secara interaktif yang dibangunkan dalam platform OpenLearning iaitu, "Learning for Life" dan "Massive Open Learning (MOOC@USM)". Pengajaran dan pembelajaran sendiri yang berasaskan video interaktif dan kuitz yang menyeronokkan akan membantu pelajar lebih cenderung memahami konsep atau pembelajaran tatabahasa Melayu. Oleh itu, terhasillah Tatabahasa Melayu Interaktif. Kata kunci : pembelajaran bahasa, interaktif, mikrocredential, MOOC.

KEBOLEHGUNAAN:

Pembelajaran secara maya yang menggunakan platform Microcredential/MOOC memudahkan pelajar mendarinya di mana-mana sahaja dengan menggunakan peranti mudah alih. Selain itu, pembelajaran Tatabahasa Melayu Interaktif bukan terikat pada pelajar universiti sahaja tetapi terbuka kepada komuniti luar.

POTENSI KOMERSIAL:

Tatabahasa Melayu Interaktif ini berpotensi untuk dikomersialkan pada peringkat nasional dan antarabangsa kerana kursus ini menggunakan platform teknologi maklumat yang boleh dimanfaatkan demi keperluan pembelajaran bahasa. Kepakaran yang dimiliki oleh penggubal mampu memberikan kebaikan kepada masyarakat.

OBJEKTIF:



Kursus ini memfokuskan pemantapan tatabahasa bahasa Melayu. Penekanan aspek tatabahasa difokuskan terhadap penggunaan ejaan, imbuhan, kata dan struktur ayat, padanan istilah bahasa Melayu bagi istilah bahasa Inggeris, pedoman rumus ayat serta dipadukan dengan perbincangan umum tatabahasa. Melalui kursus ini juga, para pelajar/ peserta akan lebih cenderung memahami dan menggunakan kata, frasa dan ayat yang tersusun dan bersistem selain membantu mereka mengenal pasti setiap kesalahan bahasa dengan mudah. Kursus ini akan dipersembahkan dalam bentuk multimedia interaktif yang bertujuan memudahkan pelajar/ peserta memahami tatabahasa dengan jelas dan berkesan.

PENGIKTIRAFAN:

Kursus ini terbukti mendapat pengiktirafan daripada pihak universiti, PTJ, dan pelajar. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh pelbagai pihak menguatkan lagi bahawa kursus ini mendapat sambutan yang baik dan memberangsangkan. Kursus ini ialah kursus perintis bahasa Melayu berbentuk Microcredential/MOOC dari Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan.

NILAI TAMBAH:

Pembelajaran secara Microcredential/MOOC mampu memberikan pemahaman yang lebih jelas dan menyeronokkan apabila penyampaian dilaksanakan dalam bentuk lakonan dan penerangan berinteraktif. Kuitz berbentuk interaktif yang bervariasi menjadikan kursus ini lebih menarik. Pelbagai aplikasi kuitz seperti Kahoot, Genially, Canva dan lain-lain digunakan untuk menguji tahap pemahaman pelajar.



ROSAIDA ABD KADIR
PUSAT PENGAJIAN BAHASA, LITERASI & TERJEMAHAN

JULIE AZITA MOHD ROSLI
PUSAT PENGAJIAN BAHASA, LITERASI & TERJEMAHAN

NOR HAYATI ABD GHANI
PUSAT PENGAJIAN BAHASA, LITERASI & TERJEMAHAN

AIDA SHUHaida MUSTAFA
PUSAT PENGAJIAN BAHASA, LITERASI & TERJEMAHAN KAMPUS KEJURUTERAAN

SITI RASHIDAH BAHRULDDIN
PUSAT PENGAJIAN BAHASA, LITERASI & TERJEMAHAN KAMPUS KEJURUTERAAN